


# Episod Dunia Islam

**DR. MUHAMMAD KHALIL ABDUL HADI**



# Episod Dunia Islam

DR. MUHAMMAD KHALIL ABDUL HADI



الحمد لله  
عبد سبكي

TUN DR MAHAATHIR  
MOHAMAD

16/02/2025

# Episod Dunia Islam

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

## © EPISOD DUNIA ISLAM

**Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi**

Cetakan Pertama, Januari 2024

© Hak cipta terpelihara © Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-2739-39-5

Muka Taip Teks: Cambria  
Saiz Muka Taip: 11

**Diterbitkan dan diedarkan oleh:**  
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.  
D-04-02, Cybersquare,  
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5,  
63000 Cyberjaya, Selangor.  
011-20907008

**Dicetak oleh:**  
Percetakan Adab Sdn. Bhd.  
No 4, Jalan PBS 14/1A, Taman  
Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.  
03-89458688



## SIDANG EDITORIAL

### PENAUNG

YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi  
YB Mohd Syahir Che Sulaiman  
Tuan Haji Mohd Adram Musa

### PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

### PENGURUS OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

### PENGURUS PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali

### KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

### JABATAN EDITORIAL

Maziah Hasan  
Muhaimin Safaruddin  
Mohamad Afiq Faiz bin Mohd Sabri

### JABATAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

### JABATAN PEMASARAN


Alfian Choiri Akma


### JABATAN JUALAN & HUBUNGAN PELANGGAN

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

### REKA LETAK & ATUR HURUF

Aqilah Farhana Mohd Azahari





# Episod Dunia Islam



**DR. MUHAMMAD KHALIL ABDUL HADI**

# ISI KANDUNGAN

**VII KATA PENERBIT**

**X KATA PENGANTAR**

**XIII KATA PENGARANG**

**I DUNIA ISLAM: SUATU PENDAHULUAN**

- 2 Dunia Islam Masa Kini
- 10 Mukhtar PAS Dan Isu Antarabangsa Umat Islam
- 17 Islamofobia: Virus Yang Sengaja Diciptakan Ke Atas Dunia Islam
- 28 10 Tahun Berlalunya Arab Spring: Iktibar Dan Pengajaran Di Sebaliknya
- 37 Ke Mana Hala Tuju Politik Negara-Negara Arab
- 45 Demokrasi Hanya Alat Bukan Matlamat

**57 DUNIA ISLAM: BENUA ASIA**

**58 NEGARA PALESTIN**

- 61 Isra' Mi'raj Dan Kepentingan Bumi Palestin
- 69 Masjid Al-Aqsa: Sorotan Jenayah Rejim Israel, Yahudi
- 77 Nakbah: Memperingati Kemusnahan Palestin, Pelan The Greater Israel
- 86 Plot Yang Sama British Ke Atas Tanah Melayu Dan Palestin
- 95 Ketetapan Amerika Syarikat Terhadap Palestin: Permulaan Ke Arah Penaklukan Tebing Barat
- 102 Pelan Damai: Pengkhianatan Amerika Syarikat Terhadap Palestin

- 114** Malapetaka Asia Barat: Apa Tujuan Sebenar Normalisasi Dengan Israel? (Bahagian 1)
- 122** Malapetaka Asia Barat: Menyekat Tali Hayat Perjuangan Palestin (Bahagian 2)
- 133** Empat Strategi Zionis Israel Menguatkan Cengkamannya Di Palestin Dan Asia Barat

#### **144** REPUBLIK ARAB SYRIA

- 147** Krisis Syria: Fasa Baharu Yang Lebih Mencabar

#### **160** NEGARA QATAR

- 163** Krisis Negara Teluk Dan Keselamatan Israel

#### **174** REPUBLIK IRAQ

- 177** Mengingati 17 Tahun Penaklukan Amerika Syarikat Ke Atas Iraq

#### **186** REPUBLIK LUBNAN

- 190** Protes Jalan Raya Di Lubnan: Tuntutan Demokrasi Atau Ada Undang Di Sebalik Batu
- 198** Letupan Besar Yang Menggegarkan Lubnan: Siapa Yang Untung?

#### **204** EMIRIAH ISLAM AFGHANISTAN

- 207** Afghanistan: Tanah Perkuburan Sang Imperialis

#### **222** EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)

- 225** Pendirian Ulama Terhadap Normalisasi UAE Dan Israel

#### **234** REPUBLIK RAKYAT CHINA

- 237** Uighur, Xinjiang, Dan Inisiatif Jalur Dan Jalan (Belt and Road Initiative)

## **246 REPUBLIK INDIA**

**249 Masjid Babri: Menangisi Hilangnya Satu Mercu Tanda Umat**

**255 Umat Islam Di India Dizalimi**

## **266 KASHMIR**

**269 Konflik Jammu Dan Kashmir**

## **278 REPUBLIK ISLAM IRAN**

**281 Fasa Baharu Pertembungan Iran-Amerika Syarikat (Bahagian 1)**

**295 Fasa Baharu Pertembungan Iran-Amerika Syarikat (Bahagian 2)**

**303 Pembunuhan Mohsen Fakhrizadeh: Adakah Iran Akan Menyerang Israel?**

## **312 MALAYSIA DAN INDONESIA**

**313 Hubungan Malaysia Dan Indonesia Dalam Konteks Pertembungan Amerika Dan China**

## **323 DUNIA ISLAM: BENUA AFRIKA**

## **324 REPUBLIK ARAB MESIR**

**327 Pergolakan Di Mesir: Apa Selepas Ini?**

**335 Sungai Nil Sebagai Alat Untuk Melemahkan Pemimpin Dan Negara Islam**

## **342 REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT ALGERIA**

**345 Masih Ada Bumi Islam Dijajah Dan Dizalimi**

**354 Jenayah Perancis Terhadap Algeria**

## **362 NEGARA LIBYA**

**365 Memahami Pergolakan Di Libya**

## **376 KERAJAAN MAGHRIBI**

**379 Mengapa Maghribi Penting Kepada Israel?**

### **386 REPUBLIK SUDAN**

**390 Mengapa Sudan Penting Kepada Israel?**

### **400 REPUBLIK TUNISIA**

**404 Politik Semasa Tunisia: Sinar Baharu Atau Wajah Lama?**

### **410 REPUBLIK UGANDA**

**414 Dunia Islam Di Afrika: Islam Di Uganda**

## **423 DUNIA ISLAM: BENUA EROPAH**

### **424 REPUBLIK TÜRKIYE**

**427 Wajah Baharu Politik Türkiye Selepas Peristiwa 15 Julai 2016**

**437 Perang Di Sempadan Türkiye-Syria: Apa Di Sebaliknya?**

**450 Masjid Aya Sofia Dan Kesannya Terhadap Politik Türkiye Dan Dunia Islam**

**458 Konflik Türkiye Dan Greece: Sejarah Silam Berulang**

**466 Pertembungan Türkiye Dan Perancis: Luka Lama Berdarah Kembali**

**475 Memperingati Perang Gallipoli: Tersungkurnya Barat Pada Tangan Khilafah 'Uthmaniyyah**

**482 Profesor Najmuddin Erbakan: Tokoh Ulung Politik Islam Abad Ini**

### **490 REPUBLIK AZERBAIJAN**

**493 Konflik Azerbaijan Dan Armenia**

### **505 BOSNIA DAN HERZEGOVINA**

**507 Memperingati Pembunuhan Kejam Umat Islam Di Srebrenica, Bosnia Dan Herzegovina**

## **512 PERSEKUTUAN RUSIA**

- 515** Vladimir Putin Dan Dasar Pandang Ke Dunia Islam

## **524 REPUBLIK PERANCIS**

- 527** Jacques Chirac Dan Peranannya Terhadap Dunia Islam
- 527** Penghinaan Ke Atas Nabi Muhammad SAW: Sikap Dwistandard Perancis
- 543** Undang-Undang Sekularisme: Perancis Tidak Perlu Takut Kepada Islam

## **553 DUNIA ISLAM: BENUA AMERIKA**

### **554 AMERIKA SYARIKAT**

- 557** Islam Dan Perkembangannya Di Amerika Syarikat
- 572** Peristiwa 9/11: Perang Menentang Keganasan Atau Perang Menentang Islam?
- 581** Dunia Islam: Api Peperangan Sedang Marak Di Timur Tengah
- 592** Pertembungan Amerika Syarikat-China Memasuki Fasa Baharu
- 602** Imperialisme Amerika Syarikat, Geopolitik Dunia Bakal Berubah Pascawabak Covid-19
- 610** Sumber Kekayaan Industri Minyak Dan Gas Sebagai Alat Untuk Menguasai Dunia

- 620** Politik Venezuela Yang Tersurat Dan Tersirat  
Kematian George Floyd, Penipuan Demokrasi
- 629** Amerika Syarikat  
Diskriminasi Kaum: Bom Jangka Yang Bakal
- 638** Meruntuhkan Tamadun Barat  
Amerika Syarikat Pasca-Pilihan Raya Presiden
- 647** 2020: Ke Mana Hala Tuju Amerika Syarikat  
Selepas Ini?
- Dunia Islam Pada Era Joe Biden: Harapan Dan
- 656** Cabaran

## **665** DUNIA ISLAM: JALAN KE HADAPAN

- Idea Tun Dr. Mahathir Mohamad Membina
- 666** Kekuatan Dunia Islam Kesenambungan Idea D-8  
Prof. Najmuddin Erbakan
- Idea Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Ke Arah
- 671** Pengukuhan Dunia Islam

## **698** BIODATA PENULIS

# KATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**A**lhamdulillah, pada kesempatan yang penuh berbahagia ini, marilah sama-sama kita merafakkan kesyukuran dengan penuh perhambaan kepada Allah SWT, Penguasa dan Pemilik sekalian alam dan buana. Selawat dan salam juga kita sama-sama lafazkan buat junjungan mulia yang kita kasihi lagi kita cintai, Nabi Muhammad SAW kerana telah berkorban menyampaikan risalah Islam kepada seluruh umat sehingga kita memeluk erat hidayah-Nya hari ini.

Kami memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayat-Nya, kami daripada Pustaka Permata Ummah (PPU) berhasil menerbitkan karya sulung YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi *hafizahullah* berjudul *Episod Dunia Islam*.

Pengarang yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Dakwah, dan Pemerkasaan Syariah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu sememangnya berkeahlian dalam bidang hal ehwal semasa dunia Islam, memandangkan tesis beliau dalam ijazah kedoktoran falsafah sendiri berkaitan dengan siasah syar'iyah (sains politik Islam) iaitu *Hak Berpolitik Orang Bukan Islam Menurut Siyāsah Syar'iyah di Malaysia*.

Di samping itu, pengarang turut mewarisi ketokohan tersebut daripada ayahanda beliau sendiri, seorang ulama' antarabangsa yang sangat kita hormati lagi kasihi, malah turut disanjung tinggi oleh dunia Islam, iaitu al-Fadil Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang *hafizahullah*.

Justeru, naskhah ini diluncurkan tepat pada masanya, yakni pada saat umat dan dunia Islam hari ini mengalami kelemahan yang begitu ketara. Bukan sahaja ketinggalan dari sudut pembangunan duniawi dan materi, malah turut menderitai kecelaruan identiti dan defisit keyakinan terhadap Islam sebagai al-din yang mampu menjadi solusi kepada setiap isu hayat.

Islam sebagai al-din yang kita imani dan yakini ini adalah cukup sempurna dan menyeluruh. Islam pernah berada di kemuncak kegemilangannya, bermula pada zaman Rasulullah SAW sehinggalah berkembang pesat memayungi dua pertiga dunia. Namun begitu, setelah keruntuhan Khilafah Turki 'Uthmaniyyah, di samping serangan dari luaran dan kelemahan dalaman menyaksikan dunia dan umat Islam pada hari ini berada pada tahap yang paling rendah dan terkebawah sepanjang sejarah peradaban manusia.

Atas faktor tersebut, pengarang mencerakinkan segala cabaran dan konflik yang melanda itu dalam karya terbaharu beliau ini untuk kita sama-sama meneliti dan meneroka jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan. Hal ini demikian kerana, kita sentiasa meyakini janji Allah bahawa masa depan dunia ialah milik Islam dan cahaya Islam tidak akan sesekali mampu dipadamkan walaupun umat Islam ditekan dari segenap sudut dan arah.

Akhirkalam, kami berdoa supaya pengarang, seluruh barisan penggerak, dan para pembaca sekalian sentiasa diberkati Allah SWT serta memperoleh ilmu yang bermanfaat hasil daripada pembacaan terhadap naskhah ini. Mudah-mudahan jua, karya ini berhasil menjantik iman dan akal kita untuk sama-sama memandu perubahan, sekali gus membangkitkan pembaharuan demi masa depan umat dan dunia Islam yang lebih gilang-gemilang.

Ya Allah, berkatilah usaha kami yang fakir ini demi melihat agama-Mu kembali segar-bugar di sarwajagat-Mu!

**PUSTAKA PERMATA UMMAH**

# KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الهادي إلى سبيل الرشاد، والصلاة والسلام على زعيم الأمة، ورافع لواء الدعوة سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهديه وسلك منهجه واتبع سنته إلى يوم الدين. أما بعد.

**S**aya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan inayah-Nya, saya diberikan peluang untuk merakamkan sepatah kata untuk buku tulisan anakanda YB Ustaz Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi iaitu *Episod Dunia Islam: Realiti dan Cabaran*.

Setelah meneliti dan mengamati penulisan ini, saya mendapati bahawa penulis cuba membawa kita ke realiti dunia sebenar yang sarat terkandung isu-isu semasa yang berlaku dalam dunia Islam pada hari ini. Satu per satu dipersembahkan dengan perincian penuh teliti dalam meluahkan situasi sebenar yang berlaku di belahan negara-negara Islam khususnya di Palestin, Syria, Afghanistan, dan lain-lain. Saya sangat mencadangkan supaya buku ini dibaca oleh seluruh umat Islam supaya diambil ibrah dan pengajaran.

Islam merupakan satu agama yang semangat perjuangan pendukungnya tidak pernah padam dan bahangnya masih terasa sejak beribu tahun yang lalu. Saya amat yakin bahawa buku ini mampu memberikan impak positif dan kesedaran kepada segelintir umat Islam ketika semangat mereka kelihatan semakin dingin dan fikiran mereka semakin bercelaru. Matlamat Islam yang dijunjung amatlah murni, malangnya liku perjalanannya itu dipenuhi mihnah dan tribulasi dan bila-bila masa sahaja boleh memadamkan semangat pejuangnya.

Hari ini, kita mendapati bahawa masih ramai umat Islam yang masih mencari-cari sinar kebenaran. Mereka masih berada dalam kegelapan, malahan terus-menerus meragui kemampuan agama Islam yang benar ini untuk dijadikan dasar dan rujukan dalam menentukan polisi pentadbiran urusan kehidupan manusia. Ramai dalam kalangan mereka terus menjadi hamba kepada ideologi Barat yang sudah tentu bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Walaupun sudah terbukti semua ideologi Barat itu amat merugikan umat Islam dan negara, mereka yang mengaku sebagai Muslim ini terus dalam keangkuhan untuk mengabdikan diri kepada ideologi yang tidak pernah dikenali oleh umat Islam, malah tidak pula mereka sebenarnya reda terhadap ideologi tersebut.

Masalah berpolitik merupakan teras yang paling utama dalam kehidupan ummah. Ia akan menentukan masa depan umat Islam dan tertegaknya syiar agama yang sehingga kini terus diabaikan. Syiar agama Islam bukanlah sekadar perkara spiritual semata-mata, bahkan ia meliputi seluruh urusan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat kerana kita beriman dengan wujudnya Hari Akhirat.

## KATA PENGANTAR

Pada zaman yang serba moden dan canggih pada hari ini, kita melihat pelbagai malapetaka yang dibawa oleh manusia yang terus menjadi hamba kepada ideologi, sama ada yang jelas mahupun tidak jelas atau secara langsung mahupun tidak langsung. Sewajarnya bagi umat Islam, al-Quran dan al-Hadith haruslah disemat kukuh dalam hati dan bermuhasabah kesilapan yang telah dilakukan pada masa lalu. Kembalilah kepada Tuhan dan abdikanlah diri kepada Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan sekali lagi kepada anakanda penulis, YB Ustaz Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi kerana berjaya menghasilkan satu karya bermutu tinggi serta penuh dengan curahan maklumat dan ilmu yang sangat berguna buat pembaca di luar sana. Semoga segala usaha dalam mempersembahkan isi kandungan buku ini mendapat keredaan Allah SWT dan memberikan kebaikan, khususnya kepada penulis dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan buku ini, sekali gus mengikhlaskan niat dan meluruskan objektif hanya kerana-Nya semata-mata.

**TUAN GURU USTAZ DATO' HAJI HASHIM JASIN**

Mursyidul Am,

Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

# KATA PENGARANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي بيده الملك، وهو على كل شيء قدير. أشهد أن لا إله الا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد، وهو على كل شيء قدير. وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، البدر الدجى والسراج المنير.

اللهم صل وسلم على حبيبنا وشفيعنا وإمامنا وقدوتنا محمد، أشرف الأنبياء والمرسلين وقاعد الدعاة المجاهدين، وعلى آله وأصحابه أجمعين، ومن سار على نمجه إلى يوم الدين.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٌ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾ إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ  
 وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ  
 الْمُغْلِبُونَ

*"Wahai orang-orang yang beriman, sesiapa yang menyeleweng dalam kalangan kamu daripada agamanya Islam, maka Allah akan mendatangkan suatu kaum (satu kumpulan, satu jemaah) yang bercirikan Allah mengasihi mereka dan mereka pula mengasihi Allah! Mereka merendah diri terhadap orang-orang yang beriman dan menunjukkan keperkasaan terhadap orang-orang yang menentang, mereka berjihad di jalan Allah, serta mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Itu semua ialah kurnia Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki dalam kalangan hamba-Nya; kerana Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi Maha Mengetahui. (54) Sesungguhnya, yang menjadi wali kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk dan patuh kepada perintah Allah). (55) Dan sesiapa yang berwalikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman yang begitu sifatnya, maka sesungguhnya, parti yang menegakkan ajaran Allah dijanjikan kemenangan. (56)"<sup>1</sup>*

<sup>1</sup> Al-Quran, Sūrah al-Mā'idah (5): 54–56.

**D**unia Islam senantiasa menjadi idaman kuasa-kuasa besar dunia kerana mempunyai kelebihan mahupun keistimewaan yang tidak ternilai berbanding dunia lain, sama ada lokasinya yang strategik ataupun kekayaan hasil buminya yang begitu banyak dan tidak ternilai harganya.

Kedinamikan politik dunia meletakkan Dunia Islam di persimpangan mahupun peralihan peradaban dan ketamadunan dunia. Menurut Shaykh Abu al-A'la al-Mawdudi dalam bukunya *Tanggungjawab Pemuda Islam Hari Ini*, dunia Islam terbahagi kepada dua kelompok.

Kelompok pertama ialah negara yang tampuk pemerintahannya dikuasai oleh orang bukan Islam manakala orang-orang Islam ialah golongan minoriti. Kelompok kedua pula ialah negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang-orang Islam dan mereka mempunyai kuasa untuk menerajui pemerintahan. Menurut beliau, nasib umat Islam di dunia ini sangat bergantung kepada maju atau mundurnya kelompok kedua ini.

Hari ini, kita menyaksikan Dunia Islam sedang mengalami fasa kemundurannya. Ia masih lagi diselubungi dengan pelbagai konflik sama ada yang dicipta oleh musuh-musuh Islam ataupun disebabkan kelemahan yang ada dalam diri mereka sendiri yang tidak berkesudahan.

Sepertimana yang disebut oleh Shaykh Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi RH, umat Islam telah dilanda krisis di seluruh pelosok dunia sama ada dari sudut politik, pemikiran, ekonomi, mahupun penjajahan semenjak kejatuhan Khilafah Islamiyyah 'Uthmaniyyah sehingga hari ini.

## KATA PENGARANG

Mantan Perdana Menteri British, ketika membahaskan penentangan umat Islam yang dipimpin oleh para ulama' dan sultan yang berpegang teguh kepada Islam, pernah menegaskan dalam persidangan parlimen bahawa selagi umat Islam percaya kepada al-Quran, selama itulah tidak akan wujud keamanan.

Christian Snouck Hurgronje, orientalis Belanda yang menuntut di pesantren di Indonesia juga pernah memberikan penegasan akan bahaya kepimpinan para ulama' yang terus menyebarkan doktrin kenegaraan.

Jika disoroti sejarah kemerdekaan Tanah Melayu, kita akan mendapati bahawa golongan agamawan, khususnya para ulama' sentiasa berada di barisan hadapan dalam menggerakkan penentangan menentang penjajahan sama ada dari timur mahupun barat.

Nama-nama seperti Sayyid Shaykh al-Hadi, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Maulana 'Abdullah Nuh, dan Tok Kenali ialah antara nama yang tercatat dalam sejarah kemerdekaan tanah air walaupun kurang didendangkan oleh penganut-penganut fahaman yang berorientasikan Barat.

Begitu juga keadaannya di seluruh Dunia Islam. Jika diamati, ulama' dan gerakan Islam menjadi pemacu utama dalam perjuangan menentang penjajahan seperti Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jaza'iri di Algeria, Shaykh 'Umar Mukhtar di Libya, Shaykh 'Uthman Dan Fodio di Nigeria, Hasan al-Banna di Mesir, Shaykh Amin al-Husaini dan Shaykh 'Izzuddin al-Qassam di Palestin, serta ramai lagi.

Maka, dunia hari ini sangat memerlukan barisan ulama' yang berjiwa negarawan bagi menyelesaikan permasalahan umat. Hal ini demikian kerana, para ulama' itu merupakan pewaris para nabi yang meneruskan perjuangan dakwah bagi mengislahkan umat, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ.

*"Sesungguhnya, ulama' ialah pewaris anbiya'. Sesungguhnya, para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi, mereka mewariskan ilmu. Oleh itu, sesiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak."*<sup>2</sup>

Tujuan dakwah dan islah itu tidak akan mampu tercapai sekiranya para ulama' tidak terlibat dalam hal kenegaraan. Hujjah al-Islam al-Imam al-Ghazali menegaskan betapa pentingnya perkaitan antara al-din dengan siasah, yakni ilmu dan tatanegara dalam *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*:

الدِّينُ أَسُّ وَالسُّلْطَانُ حَارِسٌ، وَمَا لَا أَسَّ لَهُ فَمَهْدُومٌ، وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ فَضَائِعٌ.

<sup>2</sup> Hadis riwayat Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-'Ilm, No. 3641, al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Abwāb al-'Ilm, No. 2682, dan Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Iftitāh al-Kitāb fī al-Īmān wa Faḍā'il al-Ṣaḥābah wa al-'Ilm, No. 223, daripada Abū al-Dardā'. Lafaz bagi Ibn Mājah.

*“Agama menjadi asas manakala kuasa pemerintahan menjadi pengawas. Apa-apa yang tiada asas, maka akan runtuh, dan apa-apa yang tiada pengawas, maka akan menjadi sia-sia.”<sup>3</sup>*

Secara peribadinya, saya berpandangan bahawa sudah sampai masanya Dunia Islam mengorak langkah dengan lebih jauh untuk mencorakkan masa depan dunia antarabangsa. Dengan segala kelebihan yang dikurniakan Allah SWT, sepatutnya Dunia Islam mampu bersinar kembali dan menjadi peneraju dunia.

Saat ini ialah masanya untuk umat dan Dunia Islam memperbetul keadaan serta menguatkan lagi perpaduan demi kelangsungan Islam. Sampai bilakah kita mahu terus diperdaya dan dimainkan? Sebelum terlambat, kembalilah kepada ajaran Islam yang sebenar kerana hanya Islam mampu menyatukan umat dan Dunia Islam.

Akhirulkalam, semoga Allah SWT senantiasa memberkati segala gerak kerja dan usaha ahli Pustaka Permata Ummah (PPU) demi memastikan matlamat pengasasannya terlaksana. Mudah-mudahan, Allah SWT sentiasa melindungi dan memberikan kekuatan kepada kita umat Islam, khususnya di Malaysia dan seluruh Dunia Islam.

---

<sup>3</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-’I’tiqād* (Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah, 2004), 128.

Pada kesempatan yang penuh berharga ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan buku sulung saya ini sama ada secara langsung mahupun sebaliknya. Moga-moga, Allah SWT mengganjari kita dengan kebaikan yang berpanjangan dan berkekalan.

وبالله التوفيق والهداية.

**YB DR. MUHAMMAD KHALIL ABDUL HADI**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu,  
Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Buruk.

# **DUNIA ISLAM: SUATU PENDAHULUAN**



# DUNIA ISLAM MASA KINI

**S**emenjak Islam diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan dan cara hidup bagi seluruh umat manusia, Islam berkembang pesat sejak penubuhan kerajaan Islam pertama yang berpusat di Madinah al-Munawwarah. Bermula daripada itu, Islam terus berkembang di seluruh dunia meliputi benua Asia, Eropah, mahupun Amerika.

Dunia Islam bermaksud tempat-tempat yang dihuni atau diperintah oleh umat Islam dan perkembangannya yang berlaku semenjak zaman Rasulullah SAW sehinggalah hari ini, sama ada dari sudut politik, ekonomi, mahupun sosial.

Ia juga membawa erti tempat bermulanya atau bertapaknya ketamadunan Islam, perkembangannya, berserta evolusinya yang memberikan kesan ataupun pengaruh kepada masyarakat setempat, sosiobudaya, dan cara hidup yang bernaung di bawah ajaran agama Islam.

Dalam konteks hari ini, maksud dunia Islam adalah lebih universal ataupun menyeluruh. Ia tidak hanya seperti apa yang telah disebutkan di atas, tetapi juga meliputi isu-isu yang bersangkutan dengan umat Islam dan tanah airnya seperti penjajahan dan kezaliman ke atas Palestin dan rakyatnya, isu

Kashmir, serta isu komuniti minoriti umat Islam yang tinggal di negara-negara bukan Islam seperti di India, Sri Lanka, China, benua Eropah, benua Amerika, dan lain-lain lagi.

Realiti dunia Islam telah melalui perubahan yang begitu drastik dan cepat sejak zaman permulaan Islam, iaitu dari zaman Rasulullah SAW sehinggalah hari ini. Makkah menjadi titik permulaan perkembangan Islam sehinggalah negara Islam pertama ditegakkan di Madinah al-Munawwarah. Maka, seterusnya, berkembanglah dunia Islam pada zaman Kerajaan Islam Umayyah, 'Abbasiyyah, Mamalik, dan 'Uthmaniyyah.

Ketika wafatnya Rasulullah SAW, dunia Islam bertapak serta berkembang meliputi keseluruhan wilayah Semenanjung Arab iaitu Arab Saudi, Yaman, Bahrain, Oman, Qatar, dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

### **Pembukaan Islam (*al-Futuhat al-Islamiyyah*)**

Sering kali istilah yang kita dengar berkenaan dunia Islam disandarkan kepada istilah 'empayar Islam'. Perlu ditekankan di sini bahawa istilah sebenar yang bertepatan dengan nas-nas syara' ialah 'pembukaan Islam (*al-Futuhat al-Islamiyyah*)'.

Terdapat perbezaan yang sangat besar antara istilah imperialisme dengan *al-futuhat*. Imperialisme bermaksud penjajahan dan penaklukan dengan kekerasan tanpa keizinan empunya tanah air sebagaimana yang berlaku dalam sejarah lampau dan moden.

## EPISOD DUNIA ISLAM

Contohnya, Empayar British yang menakluk sebegitu luas bumi ini sehingga masyhur dengan ungkapan, “Empayar di mana sampainya sinar matahari.” British menakluk atau menjajah negara-negara di serata dunia dengan kekerasan dan merompak hasil mahsulnya dengan begitu rakus tanpa mempedulikan nasib rakyat atau masa depan negara-negara tersebut.

Keadaan ini berbeza dengan tempat-tempat yang dibuka oleh Islam atau diasaskan tamadun Islam. Kebanyakannya bukan dengan cara peperangan ataupun penjajahan, tetapi dengan pendekatan damai melalui kebijaksanaan dakwah.

Contoh yang paling jelas ialah dunia Nusantara yang dihuni oleh majoriti umat Islam pada hari ini. Ia dibuka oleh pendakwah-pendakwah Islam yang berjaya mengislamkan raja-raja dan masyarakatnya melalui akhlak, cara hidup, dan teladan baik yang dipamerkan oleh mereka.

### **Dunia Islam: Suatu Sorotan Sejarah**

Dunia Islam pada zaman Khalifah Abu Bakar RA tidak banyak berbeza dengan zaman Rasulullah SAW kerana kekalutan yang berlaku selepas wafatnya Rasulullah SAW. Walaupun tempoh pemerintahan Saidina Abu Bakar RA hanya dua tahun tiga bulan sahaja, ia telah memberikan impak yang besar.

Beliau telah berjaya menstabilkan dunia Islam daripada gerakan riddah dalam kalangan kabilah-kabilah Arab, sama ada mereka yang mengikuti nabi-nabi palsu seperti Musaylamah al-Kazzab ataupun golongan yang enggan membayar zakat kepada negara Islam, dengan alasan mereka hanya membayarnya pada masa hayat Rasulullah SAW sahaja. Adapun selepas wafatnya Baginda, mereka enggan lagi membayar zakat.

Selepas kematian Saidina Abu Bakar RA, tampuk pemerintahan Kerajaan Islam digalas pula oleh Saidina 'Umar bin al-Khattab RA yang telah membawa banyak perubahan yang efektif dan besar dalam perkembangan dunia Islam yang begitu pesat.

Saidina 'Umar RA mengambil tampuk pemerintahan dalam keadaan Kerajaan Islam begitu stabil. Ia memberikan peluang kepada beliau untuk menyebarkan Islam dengan begitu cepat dan meluas. Dalam tempoh 16 tahun pemerintahan beliau, dunia Islam berkembang pesat sehingga Iraq, Mesir, dan Syam yang hari ini dikenali sebagai Palestin, Syria, Jordan, dan Lubnan.

Adapun pada zaman Saidina 'Uthman bin 'Affan RA dan Saidina 'Ali bin Abi Talib RA, tidak banyak perubahan yang berlaku dari sudut perkembangan keluasan dunia Islam, oleh kerana pada zaman tersebut, mereka berdepan dengan cabaran yang amat besar terutamanya masalah-masalah dalaman. Konflik yang berlaku mendorong teretusnya beberapa perang saudara yang mengorbankan ramai daripada kalangan sahabat dan tabiin.

Zaman Khulafa' al-Rashidin ialah zaman emas kepada dunia Islam sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya:

“خَيْرُ النَّاسِ قُرْبِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ.”

*“Sebaik-baik kurun ialah kurunku, kemudian selepas mereka, dan kemudian selepas mereka.”<sup>4</sup>*

<sup>4</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, No. 3651, dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, No. 2533, daripada 'AbduLlāh bin Mas'ūd.

## EPISOD DUNIA ISLAM

Dalam tempoh 40 tahun yang singkat ini, perkembangan dunia Islam begitu gemilang sehingga berjaya membuka bumi yang begitu luas setelah tumbangannya Empayar Rom dan Parsi.

Setelah itu, dunia Islam diperintah oleh kerajaan-kerajaan Islam dengan pelbagai nama yang disandarkan kepada keluarga melalui sistem beraja yang berasaskan keturunan, bermula daripada pemerintahan Kerajaan Umayyiah sehinggalah Kerajaan 'Uthmaniyyah. Dalam tempoh lebih 1,300 tahun ini, satu pertiga dunia telah diperintah oleh sistem Islam daripada pelbagai kerajaan Islam yang wujud.

Sebelum kejatuhan Kerajaan Islam 'Uthmaniyyah yang berpusat di Türkiye, dunia Islam telah sampai sehingga utara wilayah Asia Tengah dan selatan Afrika Tengah. Adapun di sebelah barat, dunia Islam telah sampai di selatan Perancis dan Balkan, dan sebelah timur pula, ia telah melebar hingga sampai di gugusan Kepulauan Melayu (Nusantara).

Pada zaman kegemilangan dunia Islam, ia kukuh bertapak di bawah satu bumbung walaupun berbeza kaum, bangsa, dan kabilah. Namun, pada hari ini, dunia Islam telah dipecah-pecahkan kepada 57 buah negara yang bernaung di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Jumlah umat Islam pula kini mencecah hampir 1.8 bilion orang di seluruh dunia.

### **Kedudukan Strategik Dunia Islam**

Allah SWT menjadikan dunia Islam berada di tempat yang paling strategik dalam peta dunia sama ada melalui jalan laut mahupun darat. Laluan Sutera yang menjadi laluan perdagangan utama di antara dunia timur dan barat terletak dalam dunia

Islam di Asia Tengah. Dari sudut hubungan timur dan barat pula, negara Turkiye menjadi pusat perhubungan utama yang menghubungkan di antara benua Eropah dan Asia.

Melalui jalan laut pula, dunia Islam menjadi pintu utama di timur dan barat Lautan Hindi. Di sebelah timur terletak Selat Melaka dan sebelah baratnya pula terletak Bab al-Mandab. Selain itu, di timur Laut Mediterranean terletak Terusan Suez dan di baratnya pula terletak Jabal Tariq atau Gibraltar yang menghubungkannya dengan Lautan Atlantik. Maka, dengan ini, dunia Islam menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan sama ada dari timur mahupun barat yang melalui Laut Merah, menjadikannya antara laluan utama kapal-kapal perdagangan dari seluruh dunia.

### **Dunia Islam, Dunia yang Kaya dengan Hasil**

Di samping kedudukannya yang strategik, dari sudut kekayaan hasil buminya pula, dunia Islam dikurniakan oleh Allah SWT dengan hasil bumi yang begitu banyak seperti petroleum, bijih-bijih, kepelbagaian hasil bumi, sehinggalah tanah-tanah yang subur untuk perladangan mahupun pertanian.

Sebahagian besar sumber petroleum dunia terletak dalam dunia Islam. Tidak hairanlah mengapa keanggotaan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) didominasi oleh dunia Islam. Sumber petroleum yang berada dalam dunia Islam bermula di negara-negara Teluk, Iran, Iraq, negara-negara Afrika seperti Libya dan Algeria, negara-negara Asia Tengah, Indonesia, dan Malaysia.

# EPISOD DUNIA ISLAM

DR. MUHAMMAD KHALIL ABDUL HADI

## SINOPSIS

Dunia Islam senantiasa menjadi idaman kuasa-kuasa besar dunia kerana mempunyai kelebihan mahupun keistimewaan yang tidak ternilai berbanding dunia lain, sama ada lokasinya yang strategik ataupun kekayaan hasil buminya yang begitu banyak dan tidak ternilai harganya. Kedinamikan politik dunia meletakkan Dunia Islam di persimpangan mahupun peralihan peradaban dan ketamadunan dunia.

Hari ini, kita menyaksikan Dunia Islam sedang mengalami fasa kemundurannya. Ia masih lagi diselubungi dengan pelbagai konflik, sama ada yang dicipta oleh musuh-musuh Islam ataupun disebabkan kelemahan yang ada dalam diri mereka sendiri yang tidak berkesudahan.

Sudah sampai masanya Dunia Islam mengorak langkah dengan lebih jauh untuk mencorakkan masa depan dunia antarabangsa. Dengan segala kelebihan yang dikurniakan Allah SWT, sepatutnya Dunia Islam mampu bersinar kembali dan menjadi peneraju dunia.

Saat ini ialah masanya untuk umat dan Dunia Islam memperbetul keadaan serta menguatkan lagi perpaduan demi kelangsungan Islam. Sampai bilakah kita mahu terus diperdaya dan dimainkan? Sebelum terlambat, kembalilah kepada ajaran Islam yang sebenar kerana hanya Islam mampu menyatukan umat dan Dunia Islam.

**DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI**, berasal daripada Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Merupakan graduan Universiti Yamaniah dan Universiti al-Iman di Yaman, Universiti Portsmouth di United Kingdom, dan telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Uinversti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Kini memegang tanggungjawab sebagai ADUN Batu Buruk, Terengganu dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.



SEM. MALAYSIA: RM 90  
SABAH SARAWAK: RM 92

ISBN 978-967-2739-39-5



9 789672 739395

